



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA
JABATAN MUZIUM MALAYSIA

**YB DATUK AARON AGO DAGANG
MENTERI PERPADUAN NEGARA**

SEMPENA

**SESI *WALKABOUT* PAMERAN NINGYO, SAMBUTAN
AIDILFITRI DAN PELEPASAN KONTINJEN JMM SEMPENA
FESTIVAL HARI MUZIUM ANTARABANGSA 2024**

**7 MEI 2024 (SELASA)
12.00 TENGAH HARI**

**DATARAN MUZIUM NEGARA
KUALA LUMPUR**

Salam Malaysia Madani dan Salam Perpaduan

SALUTASI

**Disediakan secara berasingan*

1. Hari ini, kita diberi kesempatan berhimpun di Dataran Muzium Negara ini bagi meraikan:
 - **Program *Walkabout* Pameran Ningyo: Kesenian Dan Kecantikan Anak Patung Jepun**
 - **Majlis Sambutan Aidilfitri**
 - **Majlis Pelepasan Kontinjen Jabatan Muzium Malaysia sempena Festival Hari Muzium Antarabangsa (HMA) Peringkat Kebangsaan.**
2. Terlebih dahulu saya merakamkan ucapan terima kasih atas kesudian menjemput saya untuk hadir bersama di dalam majlis ini. Masih belum terlambat juga untuk saya mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri kepada semua tetamu jemputan dan warga Jabatan Muzium Malaysia (JMM).

PAMERAN NINGYO

3. Tahniah kepada JMM atas penganjuran **Pameran Ningyo: Kesenian Dan Kecantikan Anak Patung Jepun dengan kerjasama *Japan Foundation Kuala Lumpur (JFKL)*** bersempena dengan **hubungan diplomatik Malaysia-Jepun yang telah mencapai 67 tahun** pada tahun ini. Pemilihan Muzium Negara merupakan satu pengiktirafan daripada kerajaan Jepun kepada Malaysia yang merupakan rakan ekonomi dan politik yang rapat.
4. Pada akhir tahun 2023, YAB Perdana Menteri telah mengumumkan penaiktarafan hubungan dua hala Malaysia-Jepun kepada '**Perkongsian Strategik Komprehensif**' yang akan membuka lebih banyak peluang kerjasama dalam pelbagai bidang seperti ekonomi, pertahanan dan keselamatan, sains teknologi, pendidikan, inovasi dan persekitaran serta **pertukaran budaya**.
5. **Pertukaran budaya adalah medium penting bagi memperkukuh hubungan antara Malaysia dan Jepun.** Pameran ini merupakan satu langkah proaktif dan kolaboratif strategik JMM bersama Japan Foundation yang mampu menjadi jambatan antara identiti bangsa kedua-dua negara.

6. Saya juga berharap agar pameran dan inisiatif berupaya memberi nilai tambah kepada pembangunan produk dan perkhidmatan bidang seni, budaya dan warisan negara melalui perkongsian ilmu dan kepakaran.

Hadirin yang dihormati sekalian,

MAJLIS SAMBUTAN HARI RAYA

7. Penganjuran Rumah Terbuka seperti Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri pula merupakan satu sambutan dan amalan budaya yang cukup unik di negara ini. Sambutan perayaan yang diraikan tanpa mengira latar belakang kaum dan agama di negara ini, berjaya membina pemahaman dan rasa hormat dalam kalangan masyarakat majmuk di negara ini.
8. **Setiap perayaan diraikan rakyat pelbagai kaum di Malaysia perlu dijadikan sebagai teras perpaduan yang merupakan kunci utama kepada keharmonian kaum serta kesejahteraan rakyat dan negara. Ini juga selari dengan konsep “Perpaduan Melalui Perayaan”.**

9. Melalui sambutan perayaan seumpama ini cukup menyerlahkan elemen perpaduan kaum di Malaysia. Kita harus berbangga dan perlu memastikan perpaduan ini kekal terpelihara. **Semoga “Perpaduan Melalui Kepelbagaian” ini mampu menjadikan Malaysia sebagai model keamanan dunia.**

Hadirin yang dimuliakan sekalian,

FESTIVAL HARI MUZIUM ANTARABANGSA 2024

10. Saya juga telah dimaklumkan bahawa **Festival Hari Muzium Antarabangsa Peringkat Kebangsaan 2024** akan berlangsung di Pulau Pinang pada **13-22 Mei 2024** dengan tema **“Muzium untuk Pendidikan dan Penyelidikan”**. Turut dimaklumkan juga bahawa terdapat sebanyak **38 penyertaan** yang merangkumi :

- **13 muzium persekutuan/negeri**
- **21 muzium institusi**
- **4 muzium antarabangsa**

11. **JMM telah pun mengerakkan muzium sebagai pusat pendidikan sejak sekian lama melalui Program Inspirasi Pelajar Inovasi Muzium (IPIM) merupakan program pendidikan hasil kerjasama antara Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM).** Matlamat program ini adalah untuk menarik minat pelajar terhadap mata pelajaran Sejarah dengan memberi pengalaman pembelajaran di institusi muzium. Di samping itu, guru boleh menjadikan institusi muzium ini sebagai sistem sokongan pengajaran dan pembelajaran (PdP) yang mantap dalam usaha peningkatan kemenjadian murid.
12. Hari Muzium Antarabangsa (HMA) disambut untuk membangkitkan pemahaman dalam kalangan masyarakat terhadap kepentingan institusi permuziuman dalam menjaga dan memelihara khazanah negara. Ia juga disambut sebagai tanda penghargaan kerajaan terhadap sumbangan dan peranan penting yang dimainkan oleh institusi muzium.
13. Kementerian Perpaduan Negara sentiasa **menyokong dan mendukung usaha Jabatan Muzium Malaysia dalam mengangkat dan memartabatkan institusi permuziuman sebagai entiti penting di negara ini.**

14. Melalui penganjuran program yang berimpak tinggi ini, kita berharap ia akan dapat menyedarkan masyarakat tentang pentingnya peranan muzium dalam kehidupan dan pembangunan sosio budaya bangsa. Saya amat berharap agar penganjuran pada kali ini akan mencapai **sasaran seramai 200,000 orang** (50,000 secara fizikal manakala 150,000 secara atas talian).
15. Saya mengambil kesempatan ini **mengucapkan selamat maju jaya kepada semua kontinjen JMM yang akan bertanding** dan memperlihatkan bakat kemahiran masing-masing dalam setiap acara yang disertai.
16. Terima kasih juga kepada semua rakan strategik, media massa, media elektronik malah semua pihak yang membantu secara langsung dan tidak langsung demi memastikan kelancaran pelaksanaan program ini nanti.
17. Dengan ini berbesar hati merasmikan **PELEPASAN KONTINJEN JABATAN MUZIUM MALAYSIA SEMPENA FESTIVAL HARI MUZIUM ANTARABANGSA PERINGKAT KEBANGSAAN 2024.**

Sekian, terima kasih.